

CCCC-George Kent dapat kontrak MRT

Kuala Lumpur: Mass Rapid Transit Corp Sdn Bhd (MRT Corp) menganugerahkan pakej kerja bernilai RM1.01 bilion bagi pemasangan trek, kenderaan penyelenggaraan dan kereta api kerja untuk MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) kepada syarikat usahasama CCCC-George Kent.

Usahasama itu terdiri daripada China Communications Construction Company Ltd (CCCC) dan George Kent (Malaysia) Sdn Bhd, masing-masing memegang

ekuiti sebanyak 51 dan 49 peratus. Pakej kerja itu dianugerahkan selepas mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Sehenti yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Seri Shahril Mokhtar berkata, pakej kerja itu adalah antara pakej kerja utama bagi pembinaan Laluan SSP.

"CCCC adalah sebuah syarikat dilengkapi pengetahuan teknikal yang amat baik dalam pengendalian projek

infrastruktur, termasuk pembinaan kereta api.

"Usahasama dengan syarikat Malaysia, George Kent yang kini mempunyai kedudukan kukuh dalam industri kereta api di Malaysia, membolehkan projek MRT memperoleh manfaat daripada kedua-dua syarikat yang berpengalaman ini," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Mengenai proses penilaian tender, beliau berkata, syarikat usahasama itu yang juga antara tujuh penender,

memperoleh keputusan yang baik dalam bahagian penilaian teknikal.

Antara kriteria bagi penilaian teknikal adalah pematuhan kepada spesifikasi yang diperlukan oleh MRT Corp, cadangan kaedah kerja, tahap prestasi, rekod pencapaian, program kerja dan pematuhan kepada tarikh utama, pelan pelaksanaan projek, pelan penyelenggaraan, kualiti dan jaminan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar tapak kerja. -BERNAMA